

# Kursus Cerdas Fizikal mampu lahir modal insan cemerlang

Oleh WAN SITI SUHANA YUSUF

utusanborneokk@yahoo.com.my  
UB 28.06.2012 B3

KOTAKINABALU: Seramai 30 orang pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menyertai Kursus Cerdas Fizikal pada 23 hingga 24 Jun lepas yang diadakan di kawasan Pusat Pembangunan Luar (ODEC) UMS.

Program berkenaan dianjurkan oleh Seksyen Latihan, Bahagian Pengembangan Potensi Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah yang dikendalikan oleh Hazwan Kiffi selaku Penyelaras Program.

Proram ini bertujuan mendedahkan para peserta tentang kepentingan kesihatan dalam kehidupan seharian.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Datuk Dr Kasim Md. Mansur berkata, melalui



**PROF Dr. Kasim menyampaikan ucapan ketika majlis perasmian penutupan Kursus Cerdas Fizikal berkenaan.**

ceramah yang disampaikan, dapat memberikan manfaat kepada para pelajar sebagai perkongsian untuk mendalami lagi kepakaran para pegawai HEP dan Kementerian Belia dan Sukan.

Menurutnya, melalui

program sebegini, sekaligus mencapai objektif program untuk melahirkan pelajar yang sihat dan cergas dari segi fizikal dan mental selain memupuk semangat kerjasama dalam pasukan.

“Dengan pelaksanaan program ini, diharap dapat memberi impak yang tinggi kepada para peserta di samping menjadikan program ini sebagai langkah dalam kerjasama berterusan dan dapat

melahirkan modal insan yang cemerlang di masa hadapan,” katanya ketika berucap pada program itu.

Beliau berkata, di sebalik kejayaan program ini tidak lupa ucapan penghargaan kepada semua jawatankuasa bertugas yang tidak jemu-jemu mencurahkan idea, pemerah tenaga dan komitmen yang sangat baik dalam menjayakan Kursus Cerdas Fizikal kali ini.



**PARA peserta kursus yang hadir memeriahkan majlis.**